

Peningkatan IK bukan diada-adakan kerajaan

Prestasi pasaran bukti ekonomi negara semakin kukuh: PM

Oleh Wan Hazmir Bakar, Hassan Omar dan Nahar Tajri

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, peningkatan indeks bursa saham serta petunjuk lain kebangkitan ekonomi negara bukan sengaja diada-adakan oleh kerajaan bagi menghadapi pilihan raya.

Perdana Menteri berkata, ia bukan sesuatu yang palsu, sebaliknya hakikat sebenar ekonomi negara pada masa ini.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, peningkatan Indeks Komposit (IK) Bursa Malaysia yang melonjak ke paras tertinggi dalam tempoh 13 tahun sekarang bukannya mendadak.

Katanya, pelaburan dari luar negara dan domestik juga meningkat dengan jumlah kedua-duanya melebihi RM42 bilion.

"Di samping itu mata wang kita semakin kukuh. Apakah kita main perkara itu juga, tidak...ekonomi kita menunjukkan fundamental yang juga kukuh...defisit kita terus kurang, ekonomi terus tumbuh, masalah berkaitan kenaikan harga minyak kita tangani dengan baik.

"Ertinya inilah fakta yang meyakinkan pelabur yang antaranya akan

menyebabkan sentimen yang baik. Sebenarnya harga saham di bursa kita cukup rendah, sebab itulah mereka mula beri perhatian," katanya pada sidang media selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, di sini malam tadi.

Abdullah mengulas dakwaan pembangkang kononnya peningkatan IK dan petunjuk ekonomi lain sejak akhir-akhir ini sengaja diada-adakan kerajaan sebagai persediaan menga-

“Ekonomi kita menunjukkan fundamental yang juga kukuh...defisit kita terus kurang, ekonomi terus tumbuh, masalah berkaitan kenaikan harga minyak kita tangani dengan baik”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

dakan pilihan raya umum.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) juga sudah mula dilaksanakan seperti yang dirancang, manakala koridor pembangunan seperti di Johor menarik perhatian pelabur asing.

Katanya, langkah penggabungan syarikat besar berkaitan kerajaan baru-baru ini juga adalah petanda baik untuk masa depan ekonomi negara.

"Apa lagi nak, projek kita sudah mula dijalankan, itu bukan main-main. Apa yang kita janji nak laksanakan kita laksanakan," katanya.

Abdullah juga mengulangi gesannya supaya wakil rakyat Barisan Nasional (BN) melipatgandakan usaha memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat walaupun beliau secara umumnya berpuas hati dengan perkhidmatan mereka.

Mengenai lawatan kerjanya ke Indonesia yang berakhir semalam, Abdullah berkata, Presiden republik itu, Susilo Bambang Yudhoyono, menyatakan bahawa cuaca panas di Kalimantan Utara menyebabkan kawasan gambut mudah terbakar.

Abdullah berkata, walaupun aspek jerebu tidak dibincangkan secara khusus, Susilo menyatakan sis-

tem pengairan di kawasan berkenaan menyebabkan air dialirkan ke laut tetapi pada masa sama menyebabkan ia menjadi kering.

Mengenai pendatang asing Indonesia, Abdullah berkata, beliau menyatakan kepada kerajaan Indonesia mereka akan menghadapi masalah dieksploitasi yang mengakibatkan mereka terpaksa menganggur dan terbabit dalam jenayah.

"Memang itu bukan perkara yang Indonesia rasa senang hati. Indonesia mahu peraturan lebih kemas diadakan bagi menanganinya," katanya.

Terdahulu, Abdullah menyampaikan cenderahati kepada lima peserta akhir pertandingan menamakan bendera Umno Sang Saka Bangsa yang diadakan Mei tahun lalu.

Mereka ialah Pengerusi Majlis Veteran Umno, Datuk Tajudin Ali, yang mencadangkan Sang Saka Melayu Perkasa, Nur Adhawiah Mohd Said (Sang Saka Melayu), Mohd Yusof Yakob (Sang Saka Keris) dan Ahmad Razif A Aziz (Panji Perkasa).

Turut menerima cenderahati ialah Siti Khadijah Ghazali dan Shah Ridzuan yang mewakili ibu mereka, Allahyarham Norizan Ismail yang mencadangkan nama Panji Warisan.